

HELAIAN PENDEDDEAHAN PRODUK Sila baca Helaian Pendeddeahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai HLM Takaful i-Critical Care. Pastikan juga anda membaca terma dan	Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLM Takaful") HLM Takaful i-Critical Care <<date>>
---	---

1. Apakah produk ini?

Ini adalah produk Takaful penyakit kritikal standalone yang melindungi 5 penyakit kritikal iaitu serangan jantung, strok, kanser, kegagalan buah pinggang dan pembedahan pintasan arteri koronari. Pelan ini adalah dijamin pembaharuan bagi tempoh 10 tahun.

2. Apakah konsep Shariah yang digunakan?

- (a) Tabarru' bermaksud derma daripada bahagian sumbangan yang akan diperuntukkan ke Dana Risiko Peserta (PRF), yang akan digunakan untuk bantuan dan pertolongan bersama di kalangan rakan-rakan peserta.
- (b) Iltizam Bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.
- (c) Wakalah bermaksud secara asasnya hubungan ejen-prinsipal, di mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen bagi pihak peserta untuk menguruskan PRF dan Pengendali Takaful mendapat Yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.
- (d) Ju'alah bermaksud perjanjian di mana peserta berjanji untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful atas pencapaian atau prestasi baik Pengendali Takaful dalam menguruskan PRF yang menyebabkan berlakunya Lebihan dalam dana tersebut.
- (e) Qardh bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Pengendali Takaful sekiranya berlaku defisit di dalam PRF.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Manfaat	Keterangan	Tempoh Perlindungan
Manfaat Penyakit Kritikal	<p>Setelah didiagnosis salah satu daripada penyakit yang dilindungi yang disenaraikan di bawah dengan syarat Orang Dilindungi hidup sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh diagnosis, 100% daripada jumlah dilindungi asas dijamin* (RM<<XX>>) akan dibayar sekaligus dan sijil akan ditamatkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Serangan Jantung – keterangan tertentu 2. Strok – mengakibatkan neurologi defisit kekal dengan gejala klinikal yang berterusan 3. Kanser – keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal 4. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang 5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari <p>Sila rujuk sijil Takaful untuk definisi penyakit dilindungi di atas.</p>	10 tahun

* Bayaran manfaat ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam sijil Takaful.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?

- Anggaran jumlah sumbangan yang anda perlu bayar (termasuk SST, jika ada): Rujuk pada sebut harga
 - Tempoh sumbangan: 10 tahun
- Sumbangan adalah tidak dijamin. Kami mempunyai hak untuk mengubah kadar sumbangan dengan memberikan Peserta 90 hari notis bertulis sebelum ulang tahun sijil yang berikutnya. Pengalaman tuntutan adalah salah satu sebab bagi pelarasian sumbangan. Sila ambil perhatian bahawa trend peningkatan dalam kadar sumbangan pada masa lalu tidak semestinya menggambarkan trend masa hadapan.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan termasuk kos pemasaran.

Tahun Sijil	1	2 ke 7 (setiap tahun)	8	9 ke 10 (setiap tahun)
% daripada Sumbangan	43%	36%	30%	21%
Jumlah (RM)				

Tabarru'

Sumbangan ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dalam PRF sebagai Tabarru'. Kadar Tabarru' adalah tidak kekal pada tahap yang sama dan tidak dijamin. Kami berhak untuk menyemak semula kadar Tabarru' dengan memberi notis bertulis kepada Peserta 90 hari sebelum ulang tahun sijil berikutnya.

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu tahu?

- (a) Kepentingan Pendedahan
Kewajipan pendedahan pra-kontrak - Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua fakta material, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan perubatan dan nyatakan umur anda dengan betul. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan yang anda tahu atau dijangka untuk mengetahui dengan sebaik-baik pengetahuan anda dan dengan niat baik.
- (b) Tempoh Bertenang
Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari kalendar selepas sijil tersebut dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda.
- (c) Kewajipan Peserta
Anda perlu berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangannya.
- (d) Iltizam bi Al-Tabarru'
Sumbangan anda setelah ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke PRF berdasarkan konsep Iltizam bi Al-Tabarru'.
- (e) Perkongsian Lebihan daripada PRF
Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan antara anda dan kami dalam nisbah 50:50. Kami berhak ke atas lebihan berdasarkan prinsip Shariah iaitu Ju'alah.
- (f) Rekod Pembayaran
Sila simpan satu salinan rekod transaksi sebagai bukti pembayaran sumbangan.
- (g) Menukar Sijil Takaful
Ia mungkin tidak memanfaatkan untuk menukar daripada satu sijil takaful kepada yang lain atau daripada satu pengendali takaful kepada yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada terma dan syarat baru untuk sijil takaful atau pengendali takaful tersebut.
- (h) Tempoh Ihsan
Anda diberi tempoh ihsan selama 30 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Tidak membayar sumbangan selepas tempoh ihsan boleh menyebabkan sijil luput.

- (i) Pilihan untuk pembaharuan tanpa pengunderaitan
Setelah sijil tamat, anda boleh memilih untuk memperbaharui sijil untuk perlindungan selama 10 tahun tanpa sebarang syarat pengunderaitan, tertakluk kepada umur kemasukan maksimum ketika pembaharuan dan sumbangan akan disemak semula mengikut umur anda ketika pembaharuan. Pilihan ini boleh dilaksanakan sebanyak 2 kali.
- (j) Tempoh Menunggu
Kelayakan bagi manfaat di bawah sijil hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh berkuatkuasa sijil tersebut.
- (k) Prosedur Tuntutan
Setelah penerimaan notis diagnosis atau pembedahan penyakit kritis secara bertulis dan dialamatkan ke ibu pejabat kami, kami akan memberikan anda atau wakil anda borang yang berkaitan bagi pemfailan bukti penyakit kritis. Semua tuntutan hendaklah diserahkan kepada kami dalam tempoh 90 hari dari tarikh diagnosis atau pembedahan tersebut. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.
- (l) Ini adalah produk perlindungan tulen dan ia tidak mempunyai nilai tunai.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

Manfaat Penyakit Kritis tidak akan dibayar sekiranya penyakit dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada salah satu (1) kejadian berikut:

- (a) Penyakit Sedia Ada;
- (b) Tanda atau simptom penyakit dilindungi ditunjukkan sebelum atau:
 - i. dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, yang mana yang terkini berkenaan dengan:
 - Kanser - keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
 - Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
 - Serangan Jantung - keterangan tertentu
 - ii. dalam tempoh 30 hari dari tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, yang mana yang terkini untuk semua penyakit dilindungi lain yang tidak dinyatakan di dalam perkara (i) di atas.
- (c) Selain daripada insiden pertama penyakit dilindungi;
- (d) Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada ketika waras atau tidak waras, penyalahgunaan alkohol secara sengaja dan/atau mengambil dadah selain daripada di bawah arahan pengamal perubatan berdaftar; atau
- (e) Kemati Orang Dilindungi dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh diagnosis sebarang penyakit dilindungi.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai lengkap bagi pengecualian di bawah sijil ini.

8. Bolehkan saya membatalkan sijil saya?

Ya. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sila ambil perhatian bahawa apabila pembatalan, tiada nilai serahan akan dibayar dan anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda pada masa tepat.

10. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang takaful perubatan dan kesihatan, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai "Takaful Perubatan dan Kesihatan" di www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi ka

Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)

Alamat: Ibu Pejabat, Tingkat 5, Menara B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: +603-7650 1800
Faks: +603-7620 6730
E-mel: ReachUs@takaful.hongleong.com.my

11. Jenis perlindungan takaful perubatan dan kesihatan serupa lain yang sedia ada.

Sila rujuk kepada kakitangan khidmat pelanggan kami untuk jenis pelan serupa lain yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHWA PELAN INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN TERUS MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini sah pada <>date<>.

Pengakuan:

Bahan/Maklumat penting di atas mengenai produk yang berkenaan telah dikemukakan dan diterangkan sepenuhnya kepada saya.

Tandatangan Peserta yang Dicadangkan	
Nama Peserta yang Dicadangkan	
No. Kad Pengenalan Peserta yang Dicadangkan	
Tarikh	